



## KETUA PENGARAH KERJA RAYA DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12( 15 )  
Tarikh : 19 Mei 2018

**Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR  
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri  
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan  
Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan  
Pengarah JKR Unit Khas  
Pengarah JKR KESEDAR  
Semua Jurutera Daerah**

### **SURAT ARAHAN KPKR BIL. 9 /2018 PEMANTAUAN DAN KAWALAN KEMAJUAN PEMBINAAN PROJEK BERDASARKAN KEMAJUAN FIZIKAL**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Arahan ini bertujuan untuk mempermudahkan dan menyeragamkan kaedah pemantauan dan kawalan kemajuan pembinaan projek.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1. Bagi tujuan memantapkan pemantauan kemajuan kerja-kerja pembinaan dengan berkesan oleh pihak Pegawai Pengguna/ Pengarah Projek (P.P.), SAKPKR Bil 6 Tahun 2015 bertarikh 31 Mac 2015 telah dikeluarkan bagi menyeragamkan semua prosedur dan format yang diamalkan sebelum itu.

1/9

#### **Jabatan Kerja Raya Malaysia**

*Public Works Department Malaysia*

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur  
Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: FR 0004

CERTIFIED TO ISO 14001:2004  
CERT. NO.: FR 0281

CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007  
CERT. NO.: FR 0002

CERTIFIED TO ISO 50001:2011  
CERT. NO.: FR 0013

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12( 16 )  
Tarikh : 18 Mei 2018

- 2.2. SAKPKR Bil 6 Tahun 2015 ini juga adalah bagi memastikan projek disiapkan mengikut tempoh, kos dan kualiti yang ditetapkan. Oleh itu, prosedur penyeliaan, pemantauan kemajuan dan rekod tapak bina bagi semua projek JKR telah dikemaskini dan diseragamkan berdasarkan amalan terbaik.
- 2.3. Selaras dengan perkembangan semasa, Dokumen SPB asal berdasarkan ISO 9001:2008 telah dipertingkatkan kepada pemakaian dokumen terkini keluaran 05 bertarikh 1 Jun 2017.
- 2.4 Di samping itu, SAKPKR Bil 33 Tahun 2017 bertarikh 16 Disember 2017 bertajuk Pelaporan Kemajuan Fizikal Projek telah mengarahkan supaya semua pelaporan status projek hendaklah merujuk kepada peratus kemajuan kerja fizikal daripada program kerja yang diluluskan dan bukannya peratus kemajuan kewangan yang mengguna pakai nilai kerja bagi kos kerja fizikal yang siap ditapak yang dijana daripada Borang Penilaian JKR66.
- 2.5 Bagi mengambil kira perkembangan terkini seperti yang tersebut di atas, SAKPKR Bil. 6/2015 perlu dipinda dan ditambah baik.

### **3.0 PEMANTAUAN DAN KAWALAN PEMBINAAN**

- 3.1 P.P./Wakil P.P. hendaklah menyenaraikan semua jenis mesyuarat yang akan diadakan di peringkat pembinaan bagi satu-satu projek termasuk Mesyuarat Pra Pembinaan/ Mesyuarat Tapak/ Penyelaras/ Teknikal di dalam dokumen **Sistem Pengurusan Bersepadu : Pelan Kualiti Pembinaan (C-Plan) [Borang JKR.PK(O)04-2]**.
- 3.2 Mesyuarat Pra Pembinaan
  - i) Sebelum kerja pembinaan dimulakan, P.P. hendaklah mengadakan mesyuarat pra pembinaan selewat-lewatnya dua (2) minggu dari **Tarikh Milik Tapak (TMT)**.
  - ii) Mesyuarat pra pembinaan wajib diadakan bagi semua kontrak kerja untuk memperkenalkan semua pihak yang terlibat di dalam projek serta menerangkan kehendak-kehendak am kontrak dan prosedur Jabatan.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12(15 )

Tarikh : 19 Mei 2018

- iii) Taklimat mengenai projek hendaklah disampaikan oleh HOPT/Wakil HOPT dan HODT/Wakil HODT.
- iv) Agenda dan kehadiran ahli Mesyuarat Pra Pembinaan adalah seperti di dalam Dokumen SPB : **Agenda Mesyuarat Pra-Pembinaan [JKR.PK(O)04-3]**.
- v) Minit mesyuarat pra – pembinaan hendaklah disediakan dan diedarkan mengikut peraturan semasa.

### 3.3 Mesyuarat Tapak

- i) Mesyuarat tapak hendaklah diadakan untuk memantau kemajuan kerja yang dicapai berbanding dengan program kerja dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit daripada perlaksanaan kerja.
- ii) Kekerapan mengadakan mesyuarat tapak bergantung kepada nilai kerja seperti berikut:
  - a. Bagi kontrak yang bernilai melebihi RM5 juta, mesyuarat tapak hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan.
  - b. Bagi kontrak yang bernilai tidak melebihi RM 5 juta, mesyuarat tapak hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 2 bulan sekali.
  - c. Bagi kerja sebut harga yang bernilai tidak melebihi RM500,000.00, mesyuarat tapak diadakan sekiranya perlu sahaja.
- iii) Agenda dan kehadiran ahli Mesyuarat Tapak adalah seperti di dalam Dokumen SPB : **Agenda Mesyuarat Pra-Pembinaan [JKR.PK(O)04-6]**.
- iv) Format **Minit Mesyuarat Tapak** dan senarai edaran minit adalah seperti di **Lampiran 3**.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12( 15 )  
Tarikh : 18 Mei 2018

### 3.4 Mesyuarat – Mesyuarat Lain

Mesyuarat-mesyuarat lain seperti Mesyuarat Penyelarasan dan Mesyuarat Teknikal boleh diadakan mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang lewat, sakit dan yang memerlukan pemantauan yang lebih rapi, mesyuarat penyelarasan hendaklah diadakan lebih kerap lagi.

### 3.5 Laporan Kontrak

- i) P.P./Wakil P.P. hendaklah menyediakan **Laporan Kontrak** mengikut format seperti di **Lampiran 4** dan diedarkan beserta dengan minit mesyuarat tapak.
- ii) Muka hadapan laporan kontrak hendaklah menunjukkan status kemajuan kerja dengan menggunakan kertas mengikut **Kod Warna** seperti berikut:
  - a) Warna **HIJAU** jika kemajuan kerja fizikal mengikut jadual atau lebih awal daripada jadual atau lewat tidak melebihi 10% daripada jadual;
  - b) Warna **JINGGA** jika kemajuan kerja fizikal lewat melebihi 10% sehingga 20% daripada jadual; dan
  - c) Warna **MERAH** jika kemajuan kerja fizikal lewat melebihi 20% daripada jadual atau bilangan hari lewat melebihi 2 bulan daripada jadual atau kerja belum siap walaupun tarikh siap kerja telah berlalu melebihi 2 bulan atau kontrak dalam tindakan penamatkan..
- iii) Lampiran kepada laporan kontrak (Lampiran A - L) hendaklah disediakan oleh P.P./Wakil P.P. sebelum tarikh mesyuarat tapak.

### 3.6 Laporan Kemajuan Projek

- i) Laporan Kemajuan Projek hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Kontraktor dan disahkan oleh P.P/Wakil P.P. sebelum mesyuarat tapak.

Contoh format **Laporan Kemajuan Projek** adalah seperti di **Lampiran 5**.

- ii) Status kemajuan projek hendaklah tidak melebihi dua (2) minggu dari tarikh mesyuarat tapak.

### 4.0 PENYIMPANAN REKOD TAPAK BINA

- 4.1. P.P./Wakil P.P. perlu memastikan rekod-rekod tapak bina disimpan melalui penggunaan Buku Harian Tapak Bina, lukisan-lukisan, gambar foto dan lain-lain kaedah bagi memastikan adanya maklumat dan rekod untuk membantu Jabatan menilai dan membuat keputusan berkaitan Kontrak, antaranya :

- i) Sama ada lanjutan masa dapat dipertimbangkan berdasarkan keadaan cuaca.
- ii) Arahan Pindaan berdasarkan 'site instruction' yang telah dicatat di dalam Buku Harian Tapak Bina.
- iii) Sama ada kontraktor telah mematuhi syarat-syarat pengambilan pekerja-pekerja selaras dengan peruntukan kontrak dan undang-undang.
- iv) Jumlah bahan seperti simen dan besi yang dihantar setiap hari untuk tujuan pengiraan perubahan harga setiap bulan.
- v) Jumlah dan jenis-jenis loji yang digunakan di tapak bina pada tiap-tiap hari.
- vi) Penilaian tuntutan-tuntutan kontraktor.
- vii) Penyelesaian pertikaian dengan kontraktor.

- viii) Menilai kerja-kerja tambahan/ perubahan.
- ix) Penyelesaian lain-lain masalah dalam pentadbiran kontrak.

#### 4.2 Buku Harian Tapak Bina

- i) Buku Harian Tapak Bina hendaklah diuruskan dengan teratur mengikut peraturan-peraturan berikut:
  - a) Arahan - arahan untuk Penggunaan yang terkandung di dalam Buku Harian Tapak Bina tersebut hendaklah dipatuhi.
  - b) Buku Harian Tapak Bina hendaklah disimpan dengan selamat di tapak bina dari TMT hingga Tarikh Siap Kerja. Selepas itu, Buku Harian Tapak Bina hendaklah disimpan dalam jagaan yang selamat di pejabat P.P. sehingga ia boleh dimusnahkan menurut Arahan Perbendaharaan 150.
  - c) Salah seorang pegawai penyelia di tapak bina hendaklah dilantik oleh P.P/Wakil P.P dan dipertanggungjawabkan secara khusus selaku pegawai **Penyelia Tapak Bina (PTB)** untuk menguruskan penggunaan, penjagaan dan penyimpanan Buku Harian Tapak Bina di tapak bina dengan sempurna, di samping menjalankan tugas-tugasnya yang lain.
  - d) Pengisian Buku Harian Tapak Bina hendaklah merupakan tugas harian **PTB** tersebut. Tandatangan wakil kontraktor hendaklah diperolehi pada tiap-tiap hari dan untuk tujuan ini perjumpaan harian hendaklah diadakan di antara PTB dan wakil kontraktor yang berkenaan pada akhir waktu kerja setiap hari di tapak bina bagi menyetujui dan menandatangi catatan-catatan yang dibuat dalam Buku Harian Tapak Bina tersebut.
  - e) Untuk tujuan menyetujui dan menandatangi Buku Harian Tapak Bina, wakil kontraktor hendaklah dilantik secara bertulis oleh kontraktor dan diberitahu kepada P.P. dan PTB yang berkenaan.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12( 15 )  
Tarikh : 18 Mei 2018

- f) Buku Harian Tapak Bina hendaklah disemak oleh P.P./Wakil P.P. dan lain-lain pegawai atasan setiap kali mereka membuat lawatan ke tapak bina bagi mempastikan ianya sentiasa digunakan dan dikemaskini serta dijaga dengan teratur.
  - g) Bagi projek-projek yang boleh dibahagikan kepada lebih daripada satu tapak bina di mana aktiviti-aktiviti pembinaan boleh berjalan serentak, Buku Harian Tapak Bina yang berasingan hendaklah digunakan bagi tiap-tiap satu tapak bina.
- ii) Kandungan **Buku Harian Tapak Bina** hendaklah mengikut format Jabatan seperti contoh di **Lampiran 6**.
  - iii) Buku Harian Tapak Bina hendaklah diperolehi sendiri oleh P.P./Wakil P.P. daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) atau mengikut peraturan-peraturan lain yang diamalkan oleh pejabat P.P./Wakil P.P. berkenaan.

## 5.0 EJEN TAPAK

- 5.1 Ejen Tapak adalah merupakan ejen yang dilantik secara rasmi oleh pihak kontraktor bagi melaksanakan penyeliaan kerja di tapak bina dan bertindak sebagai wakil kontraktor untuk menerima arahan daripada P.P./Wakil P.P.
- 5.2 Kontraktor hendaklah melantik ejen tapak dari bidang Kejuruteraan, Senibina atau Ukur Bahan yang kompeten, berpengalaman, efisien, berkebolehan untuk mengatur dan mengawal pekerja, serta mempunyai perwatakan yang baik.
- 5.3 P.P/ Wakil P.P. hendaklah meluluskan pelantikan ejen tapak yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian mengikut jenis dan kompleksiti projek.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12(15 )

Tarikh : 18 Mei 2018

## 6.0 KUAT KUASA

- 6.1 Arahan ini **berkuat kuasa untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling lain yang berkaitan.
- 6.2 Dengan kuat kuasanya arahan ini, tempoh sah Surat Arahan KPKR Bil 6/2015 bertarikh 31 Mac 2015 adalah ditamatkan.
- 6.3 Surat Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani dan akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan surat arahan ini dikaji semula dan dikemas kini.
- 6.4 Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan amat diharapkan bagi memastikan Jabatan ini mampu menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan segera kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12(15 )

Tarikh : 18 Mei 2018

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat

## **LAMPIRAN 1**

## A. AGENDA MESYUARAT PRA PEMBINAAN

Agenda mesyuarat perlu mengandungi sekurang-kurangnya perbincangan mengenai:

1. Skop kontrak
2. Taklimat projek oleh HOPT/Wakil HOPT/HODT/Wakil HODT
3. Taklimat teknikal/kerja-kerja pakar oleh HODT/Wakil HODT
4. Keperluan-keperluan Kontrak ( contoh insuran, bon dsbnya )
5. Pembentangan oleh kontraktor bagi:
  - a. Program Kerja
  - b. Pelan Kualiti Pembinaan
  - c. Pelan Sistem Kualiti (*bagi kontrak Reka dan Bina sahaja*)
6. Penyelarasan Kerja antara pihak JKR, Kontraktor Utama, NSC, Perunding dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Syarikat Utiliti.
7. Status Kelulusan Kebenaran Merancang (*Development Order [DOI]*)
8. Masalah-masalah yang dijangka wujud (termasuk harta pelanggan, contoh masalah terdapat setinggan di tapak projek dan sebagainya)
9. Penerangan keperluan pelaksanaan SPK JKR (termasuk objektif kualiti, penggunaan borang-borang semakan, penyelarasian fungsi pihak JKR, Kontraktor Utama dan NSC serta prosedur penyerahan dan pasca penyerahan).
10. Penerangan keperluan pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (bagi projek yang tertakluk kepada SPAS)
11. Penerangan keperluan pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (bagi kontrak > RM20 juta jika berkaitan)
12. Penerangan Pelaksanaan Pengurusan Risiko
13. Penerangan keperluan berkenaan penilaian *Acceptance Criteria*.

\* Adakan taklimat berasingan oleh PP/PD jika pasukan projek/kontraktor/perunding belum mahir dalam menggunakan SPB.

## **B. AHLI MESYUARAT**

Kehadiran ahli mesyuarat adalah termasuk

1. Pasukan penyelia JKR
2. HOPT/Wakil HOPT/HODT/Wakil HODT (wajib hadir)
3. Pihak Perunding (jika berkaitan)
4. Kontraktor (*termasuk perunding bagi kontrak Reka dan Bina sahaja*)
5. Pihak pelanggan
6. Pihak Berkuasa Tempatan/Syarikat Utiliti/Pejabat Tanah (jika berkaitan)
7. Wakil-wakil JKR lain yang berkaitan
8. Lain-lain pihak yang berkenaan

## **LAMPIRAN 2**

### A. AGENDA MESYUARAT TAPAK

Agenda mesyuarat perlu mematuhi surat pekeliling KPKR yang berkaitan dan mengandungi sekurang-kurangnya perbincangan mengenai:

(Kontrak Konvensional)	(Kontrak Reka Dan Bina)
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ucapan Pengerusi</li><li>2. Pengesahan minit mesyuarat yang lalu</li><li>3. Skop kontrak</li><li>4. Laporan Keselamatan dan Kesihatan</li><li>5. Laporan Kemajuan Kerja</li><li>6. Laporan Bayaran Interim</li><li>7. Risiko</li><li>8. Isu dan masalah</li><li>9. Status kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan/Utiliti/Pengambilan Tanah</li><li>10. Maklumbalas pelanggan</li><li>11. Status Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara</li><li>12. Laporan kawalan kualiti</li><li>13. Pindaan reka bentuk/lukisan</li><li>14. Arahan Perubahan Kerja (APK)</li><li>15. Status Penyediaan Dokumentasi APP/APK/PHK</li><li>16. Audit Pelan Pengurusan Trafik (TMP)</li><li>17. Pembentangan Laporan Pemantauan Kualiti Alam Sekitar</li><li>18. Status Penyediaan Lukisan Terbina</li><li>19. Laporan Kemajuan Kerja Subkontraktor di bawah Program Bumiputera</li><li>20. Hal-hal lain</li><li>21. Penangguhan Mesyuarat</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ucapan Pengerusi</li><li>2. Pengesahan minit mesyuarat yang lalu</li><li>3. Skop kontrak</li><li>4. Laporan Keselamatan dan Kesihatan</li><li>5. Laporan Kemajuan Kerja</li><li>6. Laporan Bayaran Interim</li><li>7. Risiko</li><li>8. Isu dan masalah</li><li>9. Status kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan/Utiliti/Pengambilan Tanah</li><li>10. Maklumbalas pelanggan</li><li>11. Status Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara</li><li>12. Laporan Kawalan Kualiti</li><li>13. Pindaan reka bentuk/lukisan</li><li>14. Arahan Perubahan Kerja (APK)</li><li>15. Status Penyediaan Dokumentasi APP/APK/PHK</li><li>16. Audit Pelan Pengurusan Trafik (TMP)</li><li>17. Pembentangan Laporan Pemantauan Kualiti Alam Sekitar</li><li>18. Status Penyediaan Lukisan Terbina</li><li>19. Laporan Kemajuan Kerja Subkontraktor di bawah Program Bumiputera</li><li>20. Hal-hal lain</li><li>21. Penangguhan Mesyuarat</li></ol>

**B. AHLI MESYUARAT**

(Kontrak Konvensional)	(Kontrak Reka Dan Bina)
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pasukan penyelia JKR</li><li>2. Pihak Perunding (jika berkaitan)</li><li>3. Kontraktor</li><li>4. Sub Kontraktor yang dinamakan</li><li>5. Pegawai keselamatan dan kesihatan tapak/pegawai alam sekitar (yang berkaitan)</li><li>6. Pihak pelanggan</li><li>7. Pihak berkuasa tempatan/Syarikat Utiliti/Pejabat Tanah (jika berkaitan)</li><li>8. Wakil-wakil JKR lain yang terlibat seperti HOPT/Wakil HOPT/ HODT/ Wakil HODT/ Wakil-wakil Cawangan (sekiranya perlu)</li><li>9. Lain-lain pihak yang berkenaan</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pasukan projek JKR</li><li>2. Kontraktor termasuk perunding</li><li>3. Pegawai keselamatan dan kesihatan tapak/pegawai alam sekitar (yang berkaitan)</li><li>4. Pihak Pelanggan</li><li>5. Pihak berkuasa tempatan/Syarikat Utiliti/Pejabat Tanah (jika berkaitan)</li><li>6. Wakil-wakil JKR lain yang terlibat seperti HOPT/Wakil HOPT/ HODT/ Wakil HODT/ Wakil-wakil Cawangan (sekiranya perlu)</li><li>7. Lain-lain pihak yang berkenaan</li></ol>

## **LAMPIRAN 3**

\*Lampiran kepada Laporan Kontrak bertarikh .....

**MINIT MESUARAT TAPAK**

Nama Projek:

Nama Kontraktor:

**Maklumat Mesyuarat**

Bilangan :

Tarikh Mesyuarat :

Waktu Mesyuarat Dimulakan :

Waktu Mesyuarat Ditamatkan :

Tempat Mesyuarat :

Tarikh Mesyuarat Akan Datang :

Kehadiran :

Bil.	Nama	Jawatan & Organisasi	No. Telefon	E-Mel
1.	(Pengerusi)			
2.	(Pencatit Minit)			
3.				
4.				
5.				

Yang Tidak Hadir :

Bil.	Nama	Jawatan & Organisasi	No. Telefon	E-Mel
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

\*Lampiran kepada Laporan Kontrak bertarikh .....

## MINIT MESYUARAT TAPAK

*Nota: Teks dalam huruf condong adalah untuk penerangan sahaja, perlu dipadam di dalam minit mesyuarat sebenar.*

Bil	Perkara	Tarikh Dibangkitkan	Tindakan (Pihak bertanggungjawab)
1.	<b>Ucapan Pengerusi</b>		
2.	<b>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lalu</b>		
3.	<b>Skop Kontrak:</b> <i>Nyatakan samada terdapat perubahan yang telah diluluskan kepada skop kontrak atau nyatakan tiada perubahan.</i>		
4.	<b>Laporan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</b> <i>Ulasan mengenai laporan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak bina yang dikemukakan oleh kontraktor; pematuhan kepada pelan OHSAS; isu berkaitan OHSAS yang dibangkitkan.</i>  Rujuk Lampiran A*		
5.	<b>Laporan Kemajuan Kerja</b> Rujuk Lampiran B*		
5.1	<b>Rumusan Keseluruhan Kemajuan Fizikal</b> i. Jadual Asal: ____% ii. Jadual Semasa: ____% iii. Kemajuan Sebenar: ____% iv. Cepat/Lewat: ____ %( ____ hari)  <i>Ulasan mengenai pencapaian kemajuan kerja secara keseluruhan.</i>		
5.2	<b>Status Lanjutan Masa</b> <i>Status penyediaan &amp; kelulusan permohonan lanjutan masa</i> Rujuk Lampiran C*		

\*Lampiran kepada Laporan Kontrak bertarikh .....

5.3	<p><b>Aktiviti Lewat</b></p> <p><i>Rumusan perbincangan mengenai aktiviti yang terlewat terutamanya aktiviti kritikal. Jika tiada aktiviti yang terlewat, sila nyatakan.</i></p>		
5.4	<p><b>Cadangan Mengatasi Kelewatan</b></p> <p><i>Perkara dibincangkan atau ulasan mengenai tindakan yang akan diambil untuk mengatasi aktiviti yang terlewat (jika ada) atau ulasan mengenai pelan pemulihian (recovery plan).</i></p>		
6.	<p><b>Laporan Bayaran Interim</b></p> <p>Rujuk Lampiran D*</p> <p><b>Status Bayaran Balik Wang Pendahuluan</b></p> <p><i>Nyatakan status bayaran balik (recoulement) semasa dan status sahlaku Jaminan bagi Wang Pendahuluan.</i></p>		
7.	<p><b>Risiko</b></p> <p><i>Kenyataan mengenai status risiko, peristiwa risiko, rawatan yang dilaksana, kadar risiko semasa dan risiko baru.</i></p>		
8.	<p><b>Isu dan Masalah</b></p> <p><i>Kenyataan mengenai isu dan masalah yang memberi impak kepada kelancaran pelaksanaan projek seperti aduan awam, pembekal, status bahan-bahan yang belum diluluskan dll. Senaraikan isu dan masalah semasa dan cadangan mitigasi / penyelesaian dan pihak yang bertanggungjawab.</i></p> <p>Rujuk Lampiran F*</p>		
9.	<p><b>Status Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan / Utiliti / Pengambilan Tanah</b></p> <p><i>Kenyataan mengenai status, isu dan tindakan yang perlu/akan diambil untuk pastikan aktiviti disiapkan mengikut program kerja (rujuk milestone dalam Program Kerja ).</i></p> <p>Rujuk Lampiran G*</p>		

\*Lampiran kepada Laporan Kontrak bertarikh .....

10.	<b>Maklumbalas Pelanggan</b> <i>Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pelanggan.</i>		
11.	<b>Status Wang Kos Prima (WKP) dan Wang Peruntukan Sementara (WPS)</b> <i>Nyatakan status pelaksanaan.</i>  Rujuk Lampiran H*		
12.	<b>Laporan Kawalan Kualiti</b>  <i>Ulasan keseluruhan mengenai kawalan kualiti produk seperti kelulusan bahan, pemeriksaan dan ujian.</i>		
12.1	Laporan Ketidakpatuhan Produk (NCR)  Jumlah NCR terkumpul : Jumlah NCR ditutup : Jumlah NCR belum ditutup :  Rujuk Lampiran I*  <i>Ulasan keseluruhan mengenai NCR yang dikeluarkan seperti jenis kerja, pembaikan yang dilaksana dan ulasan mengenai NCR yang belum ditutup.</i>		
12.2	Pembetulan Segera ( <i>Correction</i> ) dan Tindakan Pembetulan ( <i>Corrective Action</i> )  <i>Kenyataan mengenai keberkesanan pembetulan segera dan/atau tindakan pembetulan dan lain-lain yang berkaitan.</i>		
13.	<b>Pindaan Rekabentuk / Lukisan</b>  i. <i>Nyatakan pindaan pada rekabentuk. Jika tiada pindaan, nyatakan "Tiada"</i> ii. <i>Nyatakan status penyediaan rekabentuk atau lukisan dan samada terdapat perubahan skop, kos, masa dan spesifikasi.</i>		
14.	<b>Arahan Perubahan Kerja (APK)</b>  <i>Nyatakan implikasi APK yang diluluskan terhadap kos, masa dan spesifikasi.</i>		

\*Lampiran kepada Laporan Kontrak bertarikh .....

15.	<p><b>Status Penyediaan Dokumentasi APP/APK/PHK</b></p> <p><i>Nyatakan status kemajuan penyediaan dokumentasi di atas (termasuk VOP dan pengukuran semula kuantiti).</i></p> <p>Rujuk Lampiran J*</p>		
16.	<p><b>Audit Pelan Pengurusan Trafik (TMP)</b></p> <p><i>Ulasan mengenai pengurusan trafik yang dilaksana di tapak bina dan pematuhan kepada TMP (jika berkaitan).</i></p>		
17.	<p><b>Laporan Pengurusan Alam Sekitar</b></p> <p><i>Ulasan mengenai pelaksanaan pengurusan alam sekitar di tapak bina dan pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan.</i></p>		
18.	<p><b>Status Penyediaan Lukisan Terbina</b></p> <p><i>Senaraikan Lukisan Terbina yang telah disiapkan atau nyatakan peratus kemajuan penyediaan lukisan terbina untuk komponen/kerja yang disiapkan.</i></p> <p>Rujuk Lampiran K*</p>		
19	<p><b>Laporan Nilai Kerja Dan Bayaran Kerja Subkontraktor di bawah Program Bumiputera</b></p> <p><i>Ulasan kemajuan kerja yang telah dilaksanakan oleh Subkontraktor di bawah Program Pengagihan Kerja Kontraktor Bumiputera. (Jika berkaitan)</i></p> <p>Rujuk Lampiran L*</p>		
20	<b>Hal-hal lain</b>		
21	<b>Penangguhan Mesyuarat</b>		

\*Lampiran kepada Laporan Kontrak bertarikh .....

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh :

Diluluskan Oleh:

(S.O/Wakil S.O)

---

Edaran Minit :

- i. Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah Kementerian/Jabatan Berkenaan (bagi kontrak-kontrak di bawah Peruntukan Agensi Pelanggan yang berkenaan)
- ii. Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia  
(u/p: Setiasaha Bahagian Pembangunan Usahawan)
  - Bagi kontrak-kontrak di bawah Program Pengagihan Kerja Kontraktor Bumiputera Kementerian Kerja Raya
- iii. Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
- iv. Pengarah Kanan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
- v. Pengarah Cawangan ..... (Pengurus Program yang berkenaan)
- vi. Pengarah JKR Negeri ...../ Pengurus Pembinaan Projek JKR (S.O/P.D yang berkenaan)
- vii. Semua yang hadir dan tidak hadir untuk tindakan yang sewajarnya

\*Lampiran kepada Laporan Kontrak bertarikh .....

**Laporan Kontrak**

Tarikh Laporan : .....

**1. Maklumat Asas**

No. Kontrak: .....

Tajuk: .....

**2. Maklumat Pengawasan**

Pejabat Penyelia: ..... Pejabat Penyelaras: .....

Kementerian Pelanggan: ..... Kaedah Pengawasan: .....

**3. Maklumat Kontraktor**

Kontraktor: .....

Alamat: ..... No Pendaftaran CIDB:

..... Gred: .....

..... Taraf: .....

**4. Maklumat Kewangan Kontrak**

Anggaran Tahun Semasa: .....

Peruntukan Tahun Semasa: .....

Bayaran Tahun Semasa: .....

Nilai Kerja Dilaksanakan Hingga Kini: .....

Unjuran Nilai Kerja Hingga Kini: .....

% Nilai Kerja Dilaksanakan Hingga Kini / Unjuran Nilai Kerja Hingga Kini : .....

Bayaran Hingga Kini: .....

Kos Kontrak Asal: .....

Kos Kontrak Semasa: .....

% Bayaran Hingga Kini / Kos Kontrak Semasa : .....

**5. Maklumat Kerja**

Tarikh Milik Tapak: .....

Tarikh Siap Asal: .....

Tarikh Siap Semasa: .....

Tempoh Kontrak Asal : .....

**6. Kemajuan Kerja Fizikal**

Jadual Asal : ..... %

Jadual Semasa: ..... %

Kemajuan Sebenar : ..... %

Cepat / Lewat : ..... %

Varians : ..... %

Awal / Lewat : ..... hari

**LAMPIRAN 4**  
**(SAKPKR Bil. 9/2018)**

**Keterangan Untuk Mengisi Laporan Kontrak**

**1. Maklumat Asas**

No. Kontrak: Rujukan nombor kontrak jabatan  
Tajuk: Tajuk mengikut yang di catatkan dalam kontrak

**2. Maklumat pengawasan**

Pejabat Penyelia: PP/Wakil PP  
Pejabat Penyelaras: HOPT  
Kementerian Pelangan: Kementerian pemilik projek  
Kaedah pengawasan: Kaedah pengawasan yang diamalkan samada cara  
(i) Jabatan (ii) Perunding  
(ii) Reka & Bina (iv) Swasta (PFI)

**3. Maklumat Kontraktor**

Kontraktor: Nama Kontraktor  
Alamat: Alamat Kontraktor mengikut Pendaftaran CIDB  
No. Pendaftaran CIDB: No Pendaftaran yang diberi oleh CIDB  
Gred: Gred Pendaftaran  
Tarafl: Taraf Pendaftaran iaitu: (i) Bumiputera (ii) Bukan Bumiputera  
(iii) Luar Negeri (*Foreign*)

**4. Maklumat Kewangan Kontrak**

Anggaran Tahun Semasa: Unjuran untuk bayaran kontrak bagi tahun semasa  
Peruntukan Tahun Semasa: Peruntukan yang di terima bagi tahun semasa  
Bayaran Tahun Semasa: Bayaran kontrak bagi tahun semasa  
Nilai Kerja Dilaksanakan: Nilai kerja yang dilaksana di tapak hingga kini  
Hingga Kini  
Unjuran Nilai Kerja Unjuran nilai kerja yang dilaksana sehingga kini dari Program  
Hingga Kini Kerja  
Bayaran Hingga Kini: Bayaran kontrak hingga kini  
Kos Kontrak Asal: Kos kontrak yang tercatat pada dokumen kontrak  
Kos Kontrak Semasa : Kos kontrak terkini selepas dikira APK

**5. Maklumat Kerja**

Tarikh Milik Tapak: Tarikh kontraktor memiliki Tapak bina  
Tarikh Siap Asal: Tarikh siap mengikut dalam Dokumen Kontrak  
Tarikh Siap Semasa: Tarikh siap mengikut Lanjutan Masa yang disahkan  
Tempoh Kontrak Asal: Tempoh kontrak mengikut dalam Dokumen Kontrak

**6. Peratus Pencapaian**

Jadual Asal: Peratus Jadual Fizikal Asal mengikut Program Kerja Asal.  
Jadual Semasa: Peratus Jadual Fizikal Semasa mengikut Program Kerja Terkini.  
Kemajuan Sebenar : Peratus Kemajuan Fizikal Siap yang dilaksana hingga kini mengikut  
Program Kerja Terkini.  
Awal /Lewat: Jumlah awal atau lewat mengikut Program Kerja (*Finish Variance*).

**Kod Warna**

Warna HIJAU: Mengikut Jadual atau lebih baik dari Jadual atau varians tidak melebihi 10% dari Jadual

Warna JINGGA: Varians 10% hingga 20% melebihi daripada Jadual

Warna MERAH : Varians melebihi 20% atau Bilangan hari lewat melebihi 2 bulan daripada Jadual atau kerja belum siap walaupun tarikh siap telah berlalu melebihi 2 bulan atau kontrak dalam tindakan penamatan.

**LAMPIRAN 4**  
**(SAKPKR Bil. 9/2018)**

**Senarai Lampiran kepada Laporan Kontrak :**

Lampiran A – Laporan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

Lampiran B - Ringkasan Kemajuan Kerja

Lampiran C - Jadual Lanjutan Masa

Lampiran D - Laporan Bayaran Interim

Lampiran E - Laporan Status Risiko

Lampiran F - Log Isu dan Masalah

Lampiran G – Status Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan/  
Utiliti/Pengambilan Tanah

Lampiran H – Status Pelaksanaan Wang Kos Prima (WKP) & Wang  
